

# ASAS KEBAHAGIAAN RUMAHTANGGA MENGIKUT PARADIGMA AL-NAWAWI

Kamarul Azmi Jasmi  
Azhar Mohammad  
Ahmad Kilani Mohamed

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Muhammad, A & Mohamed, A. K. (2004). Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikuti Paradigma al-Nawawi in *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004* at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya, on 29 September 2004 , pp 1-12.

## ABSTRAK

Terdapat enam asas kebahagiaan rumahtangga mengikut paradigma seorang tokoh Islam terkenal al-Imam al-Nawawi (12S4-1277M) dalam karangan beliau yang dipanggil Kitab Riyadh al-Solihin. Kejayaan pendidikan enam aspek ini bukan sahaja mampu meningkatkan keharmonian, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam berbagai aspek kehidupan kerohanian sebuah keluarga bahkan lebih lagi mampu meningkatkan keharmonian kehidupan kejasmanian keluarga.

## REFERENCES

- Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab*. Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Kabisi, Hamd Ubaid, (1975). *Usui al-Ahkam wa Thuruq al-Istinbat Fi al-Tashrif al-Islami*. Bagdad: Dar al-Huriyyah
- Li al-Thiba'ah. Al-Mabarkafuri, Sofi Al-Rahman, (1994). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Munziri, Al-Imam Al-Hafiz Abd Al-Azim b. Abd Al-Qawi, (1990). *Al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. Bairut: Dar Maktabah al-Hayah. Jilid 1-2. Al-Nadwi, Abu! Hasan Ali Al-Hasany Al-Nadwi, (1986). *Al-Sirah al-Nabawiyyah* (Bey
- 'Arifin Yunus Ali Muhdhar: Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w.) Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Nawawi, (1983), *Riyad al-Solihin*, Bairut: Daral-Fikr al-Ma'asir. Al-Nawawi, (1995). *Riyad al-Solihin*. (Tahkik oleh Ali Abd Al-Hamid Boltah Ji). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faidha.
- Ibnu 'Atar, (1991), *Tuhfat al-Tolibin fi Tarjamah al-Nawawi*, Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jamiah.
- Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990). *Lisan al-'Arab*. Bairut: DarSadir, Jilid 1-15.
- Kamarul Azmi Jasmi, (2002). *Paradigma al-Imam Al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyadh al-Solihin*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi, Azmi Shah Suratman, Aminuddin Ruskam, Ahmad Kilani Muhamad, Zulkefli Harun (2003). *Pengaruh Pemikiran Al-Nawawi Di Kalangan Guru Takmir Di Negeri Johor*. Vote Penyelidikan 71873. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia
- Kamus Dewan*, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Ketiga.
- Mahmud Tahhan, (1983). *Taisir Mustalah al-Hadith*. Kuwait: Maktabah Dar al-Turath.
- Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, (1981). *Usui al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Muhammad b. 'Allan, (1977.). *Dalil al-Falihin Li Turuq Riyadh al-Solihin*. Cairo: tanpa tempat cetakan. Juz 1-4.
- Pauzi bin Haji Awang, (1990). *Pengaruh Matn Arba'in dan Riyadh al-Solihin dalam masyarakat Malaysia*. Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Kuala Lumpur: Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.

# ASAS KEBAHAGIAN RUMAHTANGGA MENGIKUT PARADIGMA AL-NAWAWI

Kamarul Azmi Jasmi  
Azhar Mohammad  
Ahmad Kilani Mohamed  
Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia

## Abstrak

*Terdapat enam asas kebahagiaan rumahtangga mengikut paradigma seorang tokoh Islam terkenal al-Imam al-Nawawi (1234-1277M) dalam karangan beliau yang dipanggil Kitab Riyadh al-Solihin. Kejayaan pendidikan enam aspek ini bukan sahaja mampu meningkatkan keharmonian, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam berbagai aspek kehidupan kerohanian sebuah keluarga bahkan lebih-lebih lagi mampu meningkatkan keharmonian kehidupan kejasmanian keluarga.*

## 1.0 PENGENALAN

Al-Imam Al-Nawawi (1234-1277M) tokoh yang disegani umat Islam dahulu dan sekarang. Kajian yang dijalankan pada 2003 baru-baru ini membuktikan bahawa beliau sememangnya tokoh yang dihormati dan dikagumi. Beliau juga tokoh ikutan yang ramai kerana usahanya yang bersungguh-sungguh untuk mengamalkan kehidupan sebenar Nabi Muhammad iaitu bermujahadah, warak, muraqabah dan zuhwa. Beliau menghabiskan 45 tahun hidupnya untuk memberi khidmat kepada pembangunan Islam dalam bentuk memberi pengajaran dan menghasilkan puluhan karya-karya yang bermutu. Antara karyanya yang terkenal di kalangan ulama Islam ialah al-Majmu', al-Minhaj Syarh Sahih Muslim, al-Hadith al-Arba'in, Raudah al-Tolibin fi al-Fiqh, al-Azkar, Riyad al-Solihin dan lain-lain.

Kitab Riyadh al-Solihin pula merupakan salah satu hasil karya yang dianggap oleh sebahagian besar ulama sebagai rujukan asas kedua selepas al-Quran. Justeru itu, kitab ini menjadi pilihan untuk diterjemahkan ke puluhan bahasa dunia. Kitab ini merupakan intipati kepada pembangunan insan yang menyeluruh dan lengkap dan sudah memadai untuk dijadikan pedoman bagi membentuk insan soleh. Hampir keseluruhan Kitab Riyadh al-Solihin adalah cedukan al-Quran dan al-Sunnah yang menghimpunkan pengetahuan kenabian yang diperlukan oleh manusia. Aspek pembangunan sosial merupakan antara perbincangan utama yang dibincangkan oleh beliau dalam kitab tersebut. Secara umumnya beliau telah menghuraikan tiga asas pembangunan sosial yang terdiri daripada pembangunan sosial individu kepada ahli keluarganya, pembangunan sosial dengan anggota masyarakat dan pembangunan sosial antara pemerintah dan rakyat kepada pemerintah.

Pembangunan sosial individu kepada ahli keluarga melibatkan hubungan sosialnya dengan isteri/suami, anak-anak, ibu bapa, kaum kerabat, ipar duai dan kawan-kawan isteri/suami dan kawan-kawan ibu dan bapa. Perbincangan beliau menunjukkan terdapat enam asas sosial yang perlu ada dan perlu dijaga untuk mewujudkan rumahtangga yang bahagia,

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan di Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 pada 29-30 Mei 2004, anjuran Anjuran Pusat Pembangunan Keluarga UM (UMCFD), UM.

Al-Imam al-Nawawi telah melontarkan asas-asas kebahagiaan dalam perbincangan beliau dengan dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis.

## **2.0 PERANAN SOSIAL SUAMI SOLEH SOLEH MEMBENTUK KEBAHAGIAAN RUMAHTANGGA**

Bahagian ini menyentuh tentang mengenali dan memahami sifat semulajadi peribadi isteri, memberi layanan yang terbaik kepada isteri, memberikan didikan dan nasihat kepada isteri dengan lemah lembut, dan layanan yang adil dan saksama suami yang berpoligami

### **2.1 Mengenali dan memahami sifat semulajadi peribadi isteri**

Setiap individu manusia mempunyai kelebihan dan kekurangan diri selain mempunyai peribadi yang berbeza antara satu sama lain. Apabila seorang lelaki telah bersetuju untuk berkahwin dengan seorang wanita dengan sendirinya dia telah berjanji untuk menerima segala kelebihan dan kekurangan diri bakal isterinya.

Pandangan al-Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa wanita itu sendiri sudah mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat daripada lelaki. keistimewaan yang kurang positif yang ketara sebagai wanita seperti mempunyai keinginan-keinginan yang banyak dan kecenderungan-kecenderungan yang kadangkala bertentangan dengan kehendak agama. Ini digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan bahawa wanita dijadikan dari tulang rusuk yang bengkok (Riwayat Bukhari dan Muslim) selain hadis yang bermaksud, "*Tidak ada satu ftnah pun yang lebih besar selepas kewafatanku yang lebih memudaratkan kepada para lelaki melainkan ftnah wanita.*" (Riwayat Bukhari dan Muslim). Namun begitu tegas pemikiran al-Nawawi, Allah S.W.T. memberikan mereka sifat positif yang lebih banyak kepada wanita. Wanita mempunyai sifat pengasuh, penyayang dan pendidik yang baik terhadap anak-anak di samping banyak lagi sifat-sifat istimewa sebagai seorang wanita seperti tekun dan sabar. Sebab itu, jarang kita dengar seorang guru lelaki boleh mengambil tempat wanita dalam mendidik kanak-kanak pra sekolah dan tidak hairanlah jikalau kebanyakan wanita memilih kerjaya pendidikan kerana sifat semulajadi mereka.

Sebagai seorang suami menurut pandangan al-Imam al-Nawawi, dia perlu mengkaji dan melihat sifat-sifat positif isterinya agar kasih sayang sentiasa tersemam di dalam hatinya. Pengetahuan ini perlu dan penting untuk dijelmakan selalu ke dalam pemikiran suami terutamanya ketika dalam keadaan marah disebabkan tindak tanduk isteri, Rasulullah s.a.w. sendiri bersabda dalam satu Hadis yang bermaksud "*Jangan seorang mukmin itu marah kepada isterinya, kerana Jika dia tidak suka kepada satu perangnya, masih banyakperangnya yang dia sukai.*" (Riwayat Muslim) Justeru, perlu bagi seorang suami memandang dan mengkaji sifat baik isteri agar kasih dan sayang sentiasa tersemam di dalam hatinya.

### **2.2 Memberi layanan yang terbaik kepada Isteri**

Menurut pandangan al-Nawawi, isteri dianggap penolong kepada suami dan bukanlah menjadi hak milik penuhnya (Riwayat al-Tarmidzi) melainkan dalam hal memberi khidmat kepada suami selain menjaga harta suami dan menjaga kesucian diri? Oleh itu, suami seharusnya banyak berterima kasih kepada isteri yang sanggup mengikat janji melalui perkahwinan untuk berbakti kepada suaminya terutamanya dalam menyediakan ruangan yang halal untuk melepaskan keinginan syahwatnya. Tiada tanda terima kasih yang paling

utama kepada isteri menurut beliau untuk kebaktian mereka melainkan dengan memberikan layanan baik, bersikap lemah lembut dan selalu membantunya kerja-kerjanya. Beliau membawakan satu hadis Rasulullah s.a.w. yang mengecam sikap suami yang tidak tahu malu yang melayan isterinya seperti layanan seorang hamba tetapi pada akhir harinya dia memerlukan isterinya untuk kepuasan nafsunya (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Isteri merupakan orang yang paling rapat dengan suaminya. Justeru itu, menurut pandangan al-Nawawi, orang yang paling layak membuat penilaian terhadap seorang lelaki itu baik atau pun tidak adalah isterinya sendiri. Ini bermaksud isteri yang boleh menghormati suami kerana akhlak dan layanan yang mengembirakan dirinya, suaminya merupakan manusia baik yang sebenar dan tidak berlindung di sebalik toping kepura-puraan sebagai manusia baik di khalayak umum. Perkara ini ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya, *"Orang yang terbaik dari kalangan kamu ialah orang yang paling baik akhlaknya kepada isterinya."*

### **2.3 Memberikan didikan dan nasihat kepada isteri dengan lemah lembut**

Memberi didikan agama kepada isteri merupakan asas jangka panjang yang penting dalam membina kebahagiaan rumah tangga. Didikan agama, nasihat dan teguran dengan kaedah yang lemah lembut menurut al-Nawawi merupakan kaedah terbaik untuk mendidik isteri. Sifat isteri yang dicipta oleh Allah S.W.T. sememangnya istimewa untuk kesenangan suami sebagaimana firman Allah S.W.T. *"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.* Namun Rasulullah s.a.w. mengingatkan di samping kamu bersenang-senang dengan isterimu jangan lupa sifat istimewa wanita yang mempunyai kecenderungan dan keinginan-keinginan yang banyak yang tidak boleh dibiarkan dan tidak boleh pula diperbaiki dan dididik dengan kasar. Kerana kekasaran akan memecahkan tali ikatan perkahwinan (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Al-Nawawi menjelaskan bahawa suami disuruh Allah S.W.T. untuk mendidik isteri untuk meningkatkan pengetahuan dan pengamalan agama supaya terselamat azab neraka di akhirat (al-Tahrim: 6). Ini adalah kerana dengan pengetahuan agama, kedua-dua suami dan isteri boleh memahami tanggungjawab masing-masing. Apatah lagi jika isteri melanggar perintah agama, menjadi tanggungjawab suami untuk menunjukkan rasa marah kepada isteri tetapi menasihati dengan cara yang lembut. Jika isteri ingkarkan nasihat yang baik itu, Rasulullah s.a.w. menyuruh untuk mendidik isteri itu dengan memboikot perbuatan isterinya melanggar perintah agama iaitu dengan menghindarkan diri daripada tempat tidur isteri. Tetapi boikot ini janganlah sampai tidak bertegur sapa melebihi tiga hari dan suami tidak dibenarkan meninggalkan rumah. Jika isteri masih tidak diendahkan, barulah suami dibenarkan memukul isteri dengan pukulan yang tidak menyakitkan dan mengelak dari memukul bahagian muka. Suami sekali-kali tidak diharuskan menghalau isteri keluar daripada rumah tempat tinggal mereka melainkan dengan keizinan syarak atau mahkamah (Riwayat al-Tarmidzi).

### **2.4 Layanan yang adil dan saksama suami yang berpoligami**

Layanan yang baik menurut pandangan al-Nawawi perlu dititikberatkan di samping sifat adil terutamanya bagi mereka yang mempunyai isteri yang lebih daripada seorang. Kedua-dua sifat ini menjadi asas kebahagiaan rumahtangga golongan yang berpoligami.

Poligami tidak menjadi masalah dalam pelaksanaan undang-undang. Tetapi kesan daripada poligami terhadap lelaki yang tidak memberi layanan dan keadilan yang sewajarnya kepada isteri terutamanya kepada isteri yang tertua merupakan salah satu faktor yang mendorong perpecahan rumahtangga yang sedia ada. Faktor ini ada diperingatkan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya yang bermaksud,

Maksud: "*Kamu (para suami) tidak akan mampu untuk berlaku adil (dalam menyayangi) semua isteri-isteri sekalipun kamu bersungguh-sungguh, oleh itu, janganlah kamu menampakkan kecondongan (kasih sayang dan layanan baik) keseluruhannya (hanya sebahagian isteri sahaja) sehingga menyebabkan kamu meninggalkan (sebahagian yang lain dan keadaan) tergantung.*"

(Surah al-Nisa', 4:129)

Ayat ini menjelaskan peranan suami yang mempunyai isteri yang lebih daripada seorang supaya menunjukkan kasih sayang dan layanan kepada isteri yang samarata sekalipun sifat cinta dalam hatinya tidak seimbang antara isteri-isterinya.

### **3.0 PERANAN SEORANG ISTERI SOLEHAH BAGI MEMBENTUK KEBAHAGIAAN RUMAHTANGGA**

Menyentuh tentang peranan isteri solehah ini tiga aspek menjadi keutamaan bagi al-Nawawi, iaitu menenuhi keperluan asas perkahwinan, pembantu pemimpin rumahtangga, dan mendapatkan keredaan suami.

#### **3.1 Menenuhi Keperluan Asas Perkahwinan**

Tujuan asal pernikahan itu sendiri terjelus pada perkataan *nikah* yang diambil daripada istilah bahasa arab yang bermaksud *jimak (bersetubuh)*. Manakala maksud nikah daripada istilah syara' pula bermaksud satu akad yang mengharuskan seorang lelaki menyetubuhi seorang wanita. Kedua-dua istilah ini menjadi pokok kepada tujuan sesuatu perkahwinan.

Menurut paradigma al-Nawawi kebahagiaan rumahtangga akan mampu bertahan utuh selagi tujuan asal perkahwinan ini terpenuhi dengan sepenuhnya. Ini kerana suami akan sentiasa gembira dan seronok jika kemahuan tersebut sentiasa tertunai dan tercapai. Justeru itu, tugas ini perlu diutamakan isteri dalam apa keadaan pun kecuali jika mereka dalam keadaan sakit, haid dan nifas. Sebagai contoh sehinggalah Baginda Nabi s.a.w. memerintahkan para isteri menyambut kemahuan suami sekalipun ketika sedang sibuk memasak, ketika mengejar waktu seperti antara waktu maghrib dan Isyak, dan mengelakkan berpuasa sunat ketika suami berada di rumah. keadaan-keadaan ini semuanya bermaksud bahawa isteri hendaklah sentiasa bersedia memenuhi keperluan suami dengan sepenuh hati, jiwa dan raganya tanpa mengira masa dan keadaan. Bahkan, layanan ini diwajibkan oleh Allah S.W.T. kepada isteri sehinggalah diarahkan malaikat mengutuk mana-mana isteri yang tidak memenuhi permintaan suaminya di tempat tidur atau meninggalkan tempat tidur.

Berdasarkan teori pembelajaran Maslov, kekurangan atau ketidaksempurnaan kepuasan asas manusia yang antaranya termasuk keperluan seks merupakan punca kepada mereka mencari alternatif untuk memenuhi keperluan keinginan itu dan keperluan asas ini mesti terpenuhi. Sebab itu tidak pelik di Malaysia bila kes-kes sumbang mahram telah meningkat dari tahun ke tahun.

### **3.2 Pembantu Pemimpin Rumahtangga**

Sifat dan fizikal lelaki dijadikan oleh Allah S.W.T. berbeza kaum wanita. Tugas dalam perkahwinan yang diperuntukan oleh-Nya untuk keduanya juga berbeza. Lelaki ditugaskan menjadi ketua keluarga, manakala wanita menjadi pembantunya. Lelaki mencari rezeki, wanita mengendalikan rumahtangga dan mengasuh anak-anak mengikut keredaan suaminya. Tugas ini menurut al-Nawawi sudah dimaterikan oleh Allah S.W.T. dalam ayat yang bermaksud, *"Para lelaki merupakan ketua bagi kaum wanita berdasarkan apa yang Dia lebihkan mereka kepada setengah yang lain dan kerana mereka berbelanja (untuk kaum wanita dan keluarganya) daripada harta mereka."* (al-Nisa': 34) Justeru tidak pelik sikap suami selaku pemimpin dihiasi dengan sifat ego seorang pemimpin. Sedangkan sikap isteri sebagai pembantu untuk mendidik anak-anak dihiasi dengan lemah lembut dan kasih sayang.

Wanita dengan kelembutan dan kasih sayangnya mampu merubah anak mengikut kehendaknya. Dengan sifat ini juga wanita mampu membantu suaminya menjadi pemimpin yang baik bukan sebaliknya bertindak merampas kuasa. Tindakan seorang isteri melampui tugas yang diberikan Allah S.W.T. boleh menggugat bahtera rumahtangga. Allah S.W.T. sendiri telah memberikan perumpamaan kepada diri-Nya sendiri selaku raja bagi segala raja. Allah S.W.T. berfirman, *"Kalaulah ada lagi Tuhan selain aku di bumi dan langit ini sudah tentu bumi dan langit ini akan musnah."* Begitu juga sebuah bahtera rumahtangga, kalaulah ada lagi ketua selepas Allah S.W.T. melantik suami sebagai ketua keluarga sudah tentu bahtera rumahtangga itu akan menuju kemusnahan.

### **3.3 Mendapatkan keredaan suami**

Dalam Islam suami mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi isteri. Kedudukannya menurut al-Nawawi diberatkan kepada isteri untuk mengutamakan suami selepas Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Sehingga Baginda s.a.w. pernah bersabda untuk menunjukkan kedudukan tinggi suami sisi isteri, *"kalaulah ada syariatku untuk bersujud sesama manusia, sudah tentu aku akan menyuruh wanita sujud kepada suaminya."* (Riwayat al-Tarmidzi)

Wanita yang bergelar isteri menurut pemikiran al-Nawawi merupakan golongan yang paling bertuah kerana mudah untuk masuk ke Syurga. Mereka boleh masuk ke syurga jika matinya diredai suami (Riwayat al-Tarmidzi). Namun, sabda Rasulullah s.a.w. merekalah golongan yang paling ramai masuk ke neraka kerana banyak menyakiti hati suami samada dengan perkataan ataupun perbuatan.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya. Satu ketika Rasulullah s.a.w. telah memberikan beberapa pesanan kepada para wanita supaya mereka banyak bersedekah kerana baginda mendapati golongan wanita lebih banyak berada di dalam neraka. Apabila Rasulullah s.a.w. ditanya oleh kaum wanita, mengapa banyak wanita masuk neraka? Rasulullah s.a.w. menjawab kerana mereka banyak melaknat dan menafikan kebaikan suami (Riwayat Bukhari dan Muslim). Hadis ini bermaksud bahawa selalunya

apabila isteri marahkan suaminya, mereka selalu mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati suami dengan menafikan suami pernah membuat kebaikan kepadanya.

#### **4.0 PERBELANJAAN KEPADA KELUARGA DAN KERABAT**

Perbelanjaan kepada keluarga dan kerabat menurut al-Nawawi menyentuh kepada perbelanjaan suami untuk ahli keluarganya, perbelanjaan suami kepada kerabat terdekat, serta bantuan isteri kepada suami dan kerabat-kerabat.

##### **4.1 Perbelanjaan suami untuk ahli keluarganya**

Asas kebahagiaan rumahtangga yang lain menurut paradigma al-Nawawi ialah kewajipan suami menyediakan belanja kepada ahli keluarga untuk makan, minum, pakaian, kenderaan dan tempat tinggal mengikut tahap kemampuannya. Ulama fiqh menjelaskan, perbelanjaan berdasarkan kemampuan yang dimaksudkan ialah suami perlu memberikan perbelanjaan harian makanan dengan lauknya mengikut kemampuannya. Bagi yang kaya kadar harian adalah tiga cupak atau lebih kurang 1.6kg beras dengan lauknya. Bagi yang miskin pula satu cupak atau lebih kurang 530g beras dengan lauknya. Manakala suami yang sederhana dengan jumlah antara keduanya. Isteri tidak boleh meminta lebih daripada kemampuan suaminya.

Semua perbelanjaan suami kepada ahli keluarga menurut pandangan al-Nawawi dikira sedekah yang terbaik dalam Islam sehinggakan nabi mengumpamakan perbelanjaan ini lebih berharga daripada memberi belanja berjuang di jalan Allah S.W.T dan setiap suapan kepada isterinya akan diberikan pahala, Suami yang mengabaikan kewajipan ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud, *"Cukuplah seseorang itu dikira berdosa, jika mengelak untuk memberikan keperluan makan (kepada tanggungannya a). (Riwayat Abu Daud).*

##### **4.2 Perbelanjaan suami kepada kerabat terdekat**

Menurut paradigma al-Nawawi, lebihan duit suami daripada keperluan harian keluarga dengan pertimbangan perbelanjaan yang dijelaskan di atas, amat digalakkan untuk membantu kaum kerabat yang terdekat samada daripada pihak suami atau isteri. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud, *"Tangan yang di atas (memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (menerima), mulakan (perbelanjaan) kepada yang terdekatmu dan sebaik-baik sedekah ialah yang lebihan (daripada keperluan)."* (Riwayat al-Bukhari) ini adalah kerana menurut beliau, sebuah keluarga bahagia adalah keluarga yang menyumbang juga untuk kebahagiaan keluarga kerabatnya. Sebab itu sedekah dan zakat diutamakan untuk diberikan kepada kerabat yang terdekat selain ayah, datuk, anak dan cucu. Jika kerabat susah, tempat pengaduan mereka tidak lain adalah kepada kerabat mereka juga. Oleh itu, jangan lupakan sebahagian pendapatan untuk membantu kerabat-kerabat yang susah terutama untuk keperluan zaman sekarang yang sangat tinggi saraan untuk pelajaran.

##### **4.3 Bantuan Isteri kepada suami dan kerabat-kerabat**

Menurut pandangan al-Nawawi tidak menjadi masalah bagi seorang isteri yang kaya untuk membantu suaminya dalam hai memberi nafkah kepada anak-anak dan membantu kerabat-kerabat sebelah suami atau isteri yang terdekat agar hubungan erat suami isteri dan kerabat-

kerabat akan lebih rapat dan baik bahkan tindakan ini diberikan pahala sebagai pahala sedekah.

Dalam hal membantu suami bagi isteri yang berkemampuan, al-Nawawi membawakan kisah Zainab isteri Abdullah r.a. Satu ketika Zainab telah menyuruh suaminya Abdullah supaya bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang bolehkah tidak dia membantu suaminya dan anak yatim yang dibela mereka bersama. Abdullah telah menyuruh isterinya bertanyakan sendiri kepada Rasulullah s.a.w. Ialu beliau telah pergi dan mendapati ada seorang wanita ansar yang mempunyai masalah yang sama dengannya. setelah persoalan dikemukakan Rasulullah s.a.w. menjawab bagi. kedua-dua wanita itu dengan jawapan boleh dibelanjakan bahkan mendapat dua pahala. iaitu pahala kerana membantu suami atau kerabat dan kedua pahala sedekah (Riwayat Bukhari dan Muslim). Hal menolong suami juga berlaku sebagaimana kisah Ummu Salamah yang ingin memberi perbelanjaan kepada anak-anaknya hasil perkahwinannya dengan Abu Salamah. Lantas Rasulullah s.a.w. menegaskan "*Boleh! Dan engkau akan mendapat pahala terhadap apa yang engkau belanjakan untuk mereka.*" (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Isteri juga boleh membantu kerabatnya yang terdekat sebagaimana yang berlaku kepada Isteri Rasulullah iaitu Maimunah yang memerdekakan seorang hamba sahaya perempuan sebagai satu ibadah. Tetapi Rasulullah lebih suka hamba itu diberikan kepada ibu saudara Maimunah sendiri supaya mendapat pahala yang lebih besar daripada memerdekakan hambanya selain boleh membantu kesusahan ibu saudaranya (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan kepada hadis-hadis di atas tidak salah untuk isteri yang berkemampuan menolong suaminya juga menolong kerabat-kerabat sebelah suami atau isteri. Tetapi norma-norma sebagai isteri tidaklah sampai memperkecilkan suami dengan sesuka hati dan segala bantuan mestilah dengan pemberitahuan kepada suami sekalipun suami tidak mempunyai hak ke atas haita isteri.

## **5.0 MENYAYANGI DAN MEMBERIKAN DIDIKAN KEPADA ANAK-ANAK**

Tugas memberikan kasih sayang dan mendidik anak-anak bagi membentuk anak yang soleh dan solehah menjadi kewajiban bersama suami dan isteri. Menurut al-Nawawi didikan asas Islam mesti diberikan kepada anak serta orang yang di bawah tanggungan terutamanya apabila mereka telah sampai ke peringkat yang mumayyiz, iaitu sampai peringkat umuryang boleh membezakan mana yang mudharat dan manayang bermanfaat (al-Bustani, 1952; 756). Selain itu, suruhan yang berterusan juga mesti dilaksanakan oleh kedua-dua ibu bapa agar si anak mentaati perintah-perintah Allah S.W.T di samping menegur dan melarang mereka daripada perbuatan yang menyalahi perintah-Nya. Selain itu, menurut beliau mereka juga perlu dibiasakan dengan tingkah laku adab dan sopan, dan tatacara kehidupan beradab.

### **5.1 Menyayangi dan mendoakan kebahagiaan anak**

Kasih sayang kepada anak-anak terutama anak perempuan menurut al-Nawawi merupakan saranan utama Islam terhadap ibu bapa kepada anak-anaknya. Kasih sayang ini mestilah ditunjukkan oleh ibu bapa kepada anak-anak sehingga mereka boleh merasakan kasih sayang tersebut tercurah dalam emosi mereka. Menunjukkan kasih sayang ini diperlihatkan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. kepada umatnya untuk menjadi contoh sebuah keluarga bahagia. Satu ketika Rasulullah s.a.w. memeluk Saidina Hasan bin Ali, cucu baginda dan bersama-sama



baginda al-Aqra' b. Habis al-Tamimi yang sedang duduk. Lalu al-Aqra' berkata, *"Sesungguhnya aku mempunyai seorang anak, tidak pernah sekalipun aku memeluk mereka.* Rasulullah s.a.w. memandangnya dengan hairan kemudian bersabda, *"Sesiapa yang tidak menyayangi dia tidak akan disayangi."* Hadis ini mempunyai dua maksud. Maksud pertama iaitu orang yang tidak menyayangi anaknya tidak akan disayangi Allah S.W.T. Manakala maksud kedua lebih umum iaitu orang yang tidak menyayangi orang lain, dia juga tidak akan disayangi oleh orang lain sebagai satu konsep pembalasan terhadap sikapnya.

Kebahagiaan rumahtangga menurut pandangan al-Nawawi banyak berasaskan kasih sayang. Berasaskan kasih sayanglah seorang ibu sanggup untuk berjaga malam untuk menjaga anaknya yang sedang sakit. Dengan kasih sayang juga ibu sanggup berlapar asalkan anaknya kenyang. Sebagai contoh kasih sayang ini dijelaskan al-Nawawi dalam satu cerita yang diceritakan oleh Saidatina Aisyah r.a., isteri Rasulullah s.a.w. Beliau bercerita,

*Maksud: "Satu ketika seorang wanita miskin datang kepadaku dengan memimpin dua anak perempuannya. Lalu aku memberinya tiga biji tamar. Ibu tadi telah memberikan satu biji tamar setiap seorang daripada anak-anaknya. Baru sahaja dia ingin memasukkan tamar yang ketiga ke dalam mulutnya untuk memakannya, tiba-tiba kedua-dua anak perempuan tadi meminta lagi makanan. Lalu wanita tadi membahagi dua tamar yang hendak dimakannya kepada kedua-dua anaknya. Saidatina Aisyah berkata, "Aku begitu takjub dengan sifatnya dan aku menceritakan peristiwa tadi kepada Rasulullah s.a.w." Lalu baginda bersabda, "Sesungguhnya mewajibkannya syurga dan membebaskan dari memasuki neraka. "*

(Riwayat Muslim)

Cerita ini menggambarkan bagaimana kasih sayang seorang ibu sehingga sanggup berlapar dan ini memberikan kebahagiaan kepada anak-anaknya seterusnya memperolehi kasih sayang Allah S.W.T. dengan kejayaan dalam kebahagiaan abadi di alam akhirat.

Selain menyayangi menurut al-Nawawi, ibu bapa dianjurkan banyak berdoa untuk kebahagiaan anak-anak. Doa yang ditekankan bukan sahaja dalam bentuk doa khusus untuk mereka selepas melakukan ibadat, bahkan melangkaui doa-doa dalam bentuk ucapan yang baik terhadap anak-anak dan mengelakkan ucapan doa yang buruk kepada mereka seperti perkataan 'bodoh', 'bahlul', 'sial' dan lain-lain perkataan yang berbentuk doa kepada mereka. Menurut beliau, doa ibu bapa sangat makbul terutama untuk anak-anaknya dan perkara ini telah ditegaskan Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud, *"Tiga doa yang sangat mustajab yang tidak ada syak lagi (diterima oleh Allah S.W.T) iaitu doa orang yang teraniaya, doa orang sedang bermusafir dan doa ibu bapa kepada anaknya."* (Riwayat al-Tarmidzi) Sebab itu, menjadi larangan keras bagi ibu bapa mengucapkan ucapan yang bermaksud tidak baik kepada anak seperti yang disebutkan tadi kerana doa ucapan doa ibu bapa sangat makbul terhadap anak-anaknya di sisi Allah S.W.T.

### **5.3 Membentuk takwa dan disiplin anak melalui sembahyang**

Menurut al-Nawawi, Allah S.W.T. menyuruh Rasulullah s.a.w. dan umatnya supaya sentiasa memerintahkan ahli keluarga agar bersembahyang (Tana: 132) ayat ini dipertegas lagi di akhir ayat tersebut dengan firman-Nya, *"dan akibat yang baik adalah untuk orang-orang yang*

*bertakwa.*" Ayat ini bermaksud suruhan sembahyang boleh memberikan implikasi yang baik untuk membentuk ketakwaan anak.

Berbanding dengan ibadat-ibadat yang lain, ibadat sembahyang mempunyai kepentingan yang sangat banyak dalam mendidik anak kepada ketakwaan dan ketaatan kepada perintah Tuhan, disiplin waktu, kebersihan diri, pakaian dan tempat serta ganjaran yang besar dan pembersihan diri dari segi jasmaniah dan rohaniah. Justeru kerana banyaknya kepentingan sembahyang dibandingkan dengan ibadat yang lain, maka Rasulullah s.a.w. sendiri memberi tanggungjawab ini kepada ibu dan bapa terhadap anak-anak mereka. Rasulullah memerintahkan agar memastikan anak-anak yang berumur tujuh tahun agar bersembahyang dan memukul mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan jika mereka enggan bersembahyang ketika berumur 10 tahun (Riwayat Abu Daud).

### **5.2 Membentuk dan Menjaga Maruah Diri Anak-Anak**

Didikan asas yang kedua pula menurut al-Nawawi, ialah didikan penjagaan maruah diri dan memahami batasan pergaulan antara anak lelaki dan anak perempuan. Didikan ini perlu diajar sejak 10 tahun lagi dengan mengasingkan tempat tidur mereka (Riwayat Abu Daud). Didikan ini perlu supaya mereka tidak terbiasa bercampur gaul antara anak lelaki dan anak perempuan ketika tidur sebagai satu pengajaran tentang peri penting menjaga maruah diri bukan sahaja dengan orang luar bahkan sehingga di dalam keluarga sendiri.

### **5.3 Didikan tatacara kehidupan beradab Islam**

Selain didikan di atas, al-Nawawi menegaskan bahawa anak-anak perlu dibiasakan dengan tatacara kehidupan beradab. Tatacara kehidupan beradab ialah tatacara harian umat Islam seperti ketika makan dan minum, tidur, berkenderaan, masuk dan keluar tandas, masuk dan keluar rumah dan masuk dan keluar masjid. Semua tatacara adab ini perlu dibiasakan ketika mereka dalam umur mumayyiz agar selepas umur tersebut mereka menjadikan tatacara kehidupan beradab sebagai kebiasaan kehidupan harian.

Tatacara kehidupan ini dianjurkan dalam bentuk yang praktikal dan tunjuk cara. Sebagai contoh, kisah Abu Hafs Umar b. Abu Salamah yang menceritakan bagaimana Rasulullah s.a.w. mengajar tatacara adab makan kepadanya. Beliau bercerita,

*"Aku masih kecil sewaktu dibawah belaan Rasulullah s.a.w., kedua tanganku hendak mencapai bekas makanan yang terhidang. Rasulullah s.a.w. menegur, "Wahai anak, ucapkanlah 'bismillah', makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang paling dekat denganmu. " Sejak dari itu, aku tidak pernah meninggalkan tatacara adab ini ketika menikmati makananku. "*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini, didikan tatacara kehidupan beradab perlu diterapkan sewaktu anak-anak masih kecil. Dengan itu, tatacara adab tersebut akan menjadi rutin dan kebiasaan harian hidup.

### **5.4 Didikan Al-Quran dan Ilmu Agama**

Didikan lain yang perlu ditekankan kepada anak-anak ialah ilmu al-Quran dan ilmu agama. Didikan ini, boleh diajar sendiri oleh ibu bapa, jika mereka mampu. Jika tidak sudah

menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah atau mengupah ustaz untuk mengajar di rumah.

## 6.0 BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

Berbakti kepada ibu bapa bagi anak lelaki merupakan tugas seorang anak untuk memberikan kebahagiaan kepada keluarga yang dibina oleh ibu bapa. Sebuah keluarga yang bahagia apabila mempunyai ibu bapa yang tidak mengabaikan anak-anaknya dan sebaliknya juga anak-anak yang tidak mengabaikan kedua ibu bapa terutama apabila mereka telah tua. Oleh sebab itu, sebaik-baik perkahwinan seorang anak lelaki mestilah dengan mendapat restu ibu bapa terhadap bakal isteri. Kerana perkahwinan tidak memutuskan tanggungjawab anak lelaki yang berkahwin dengan ibu bapanya. Jika ibu bapa suka maka, berbahagialah keluarga tersebut, sebaliknya jika ibu bapa tidak suka, rumahtangga akan menjadi sukar.

Menurut paradigma al-Nawawi lagi, setinggi mana pun kesolehan dan ketakwaan anak kepada Allah S.W.T. tetapi mengenenpikan ibu bapanya, nescaya dia tidak boleh mencapai kebahagiaan bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat. Cerita tentang Alqamah yang mengutamakan isteri daripada ibunya sehingga menyebabkannya tidak boleh mengucap dua kalimah syahadah tatkala ajalnya tiba. Pujukan Rasulullah s.a.w. untuk memaafkan anaknya tidak diendahkan oleh ibunya sehingga Rasulullah s.a.w. memerintahkan Alqamah dibakar, barulah ibunya memaafkannya. Sebaik sahaja beliau dimaafkan oleh ibunya, dengan mudah sahaja lidahnya mengucapkan kalimah syahadah seterusnya meninggal dunia. Cerita Alqamah ini sudah cukup memberikan gambaran betapa balasan Tuhan mengenenpikan ibu bapa merupakan balasan yang datang segera. Oleh itu, untuk mengelakkan bencana seterusnya mengekalkan kebahagiaan sebuah keluarga baru, tidak boleh tidak perlulah banyak berbakti kepada ibu bapa sehingga mereka reda kepada keluarga yang baru dibina.

Dalam hal memilih isteri atau ibu bapa kerana krisis antara ibu bapa mertua dengan menantu perempuannya, anak lelaki tidak boleh mengenenpikan ibu bapa sekalipun isteri terpaksa diceraikan. Ini adalah kerana menurut al-Nawawi, menderhaka kepada ibu bapa adalah dosa besar sedangkan menceraikan isteri hanyalah perkara halal yang dibenci oleh Allah S.W.T. Dalam kes ini, Abdullah ibnu Umar pernah bercerita bahawa beliau ada mempunyai isteri yang sangat beliau sayangi. Tetapi bapanya Umar tidak menyukai isterinya itu. Pada satu hari Umar telah *menyuruh* Abdullah menceraikan isterinya tetapi beliau enggan. Keengganannya menyebabkan bapanya datang kepada Nabi s.a.w. dan menceritakan hal anaknya kepada baginda s.a.w.. Lantas nabi bersabda kepada Abdullah r.a., "*Ceraikanlah isterimu.*" (Riwayat Abu Daud)

Menurut paradigma al-Nawawi lagi, kedudukan ibu bapa mengatasi kedudukan isteri tidak perlu dipersoalkan. Adakah wajar seorang anak boleh mengenenpikan ibu bapanya sedangkan ibu yang mengandungkan dan melahirkan anak dengan segala kepayahan. Seterusnya, ibu bersama-sama bapa mengasuh, membesarkan, memberi pelajaran dan didikan dengan kasih sayang tanpa rasa terbeban dan susah. Tetapi selepas berjumpa dengan seorang wanita yang dicintai yang sebelum ini tidak pun anak tadi kenal, lalu dia mengenenpikan ibu bapanya. Sudah tentu tindakan anak tersebut merupakan tindakan yang tidak wajar.

Kewajipan anak lelaki mentaati dan berbakti kepada ibu bapa dalam Islam sebenarnya juga merupakan satu didikan untuk membentuk anak-anaknya pula mentaatinya. Ini bermaksud seorang ayah dan ibu yang inginkan anak-anak yang berbakti dan berbuat baik

kepadanya, mereka mestilah menunjukkan contoh dahulu kepada mereka bagaimana berbakti kepada ibu bapa.

Menurut al-Nawawi kebaktian yang paling dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w. daripada anak lelaki untuk ibu bapanya ialah dapat menjaga ibu bapanya apabila mereka telah tua. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, *"Hinanya dia, hinanya dia, hinanya dia yang mempunyai ibu bapa yang telah tua, tetapi tidak dapat masuk ke syurga (kerana tidak berbakti disaat mereka tua). (Riwayat Muslim)*

Selain itu, Islam juga menggalakkan anak-anak mendoakan kepada ibu bapa dengan doa keselamatan dalam hidup ketika mereka masih hidup. Galakan ini lebih-lebih lagi diutamakan apabila mereka telah meninggal dunia. Ini adalah kerana hanya doa anak sahaja yang menjadi saki baki pahala yang mereka masih perolehi selepas mereka meninggal dunia (Riwayat Muslim).

## **7.0 MENJAGA HUBUNGAN DENGAN KERABAT, KAWAN IBU BAPA DAN KAWAN ISTERI**

Menjaga hubungan ini menyentuh kepada menjaga hubungan baik dengan kerabat sebelah ibu dan bapa, menjaga hubungan baik dengan kawan ibu bapa, serta menjaga hubungan baik dengan rakan isteri dan ipar duai.

### **7.1 Menjaga hubungan baik dengan kerabat sebelah ibu dan bapa**

Al-Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa selain ibu bapa, seorang anak juga perlu menjaga hubungan kekeluargaan dengan kerabat-kerabat sebelah ibu dan bapa. Al-Nawawi menjelaskan bahawa seorang anak dikira juga berbakti kepada ibu bapanya sekiranya dia menjaga hubungan yang baik dengan kerabat-kerabat mereka. Sehingga Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa kedudukan makcik atau ibu saudara sama dengan kedudukan ibu dari segi membuat hubungan baik dan menghormati. Jika mahu bersedekah, Islam juga menggalakkan agar kerabat-kerabat ini diutamakan dahulu kerana bersedekah kepada mereka akan memperolehi dua pahala. Iaitu pahala kerana menjaga kekerabatan dan pahala kerana bersedekah.

Hubungan yang baik yang ditekankan di sini sebenarnya antara cara bagaimana anak boleh mengembirakan hati ibu bapa seterusnya akan membahagiakan mereka. Apa lagi yang boleh membahagiakan ibu bapa terhadap anak-anaknya melainkan berbangga kepada kerabat-kerabatnya tentang kejayaan mendidik anak-anaknya sehingga menjadi manusia yang berakhlak.

### **7.2 Menjaga hubungan baik dengan kawan ibu bapa**

Al-Nawawi juga menegaskan bahawa, menjaga hubungan baik dengan kawan-kawan yang disukai ibu dan ayah juga merupakan kebaktian yang disuruh ketika mereka masih hidup dan lebih-lebih lagi apabila mereka telah meninggal dunia. Hal ini telah disabdakan Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, *"Kebajikan yang terbesar ialah seorang yang mempereratkan hubungan dengan kawan yang paling disukai ayahnya"* (Riwayat muslim).

Selain kawan ibu dan ayah, anak kepada kawan yang disukai oleh ibu dan ayah juga dianjurkan untuk dipereratkan hubungan. Hal ini telah diceritakan dalam riwayat Muslim tentang Ibnu Umar. Pada kebiasaannya sekiranya dia keluar ke Mekah, dia akan membawa seekor keldai agar dia boleh berehat di atasnya apabila penat menunggang. Dia

juga akan melilit kepalanya dengan serban yang khas. Satu ketika sedang dia berada di atas keldainya, lalu seorang lelaki arab dan dia telah bertanya, "bukankah kamu anak pulan bin pulan?" lelaki itu menjawab, "Benar!" beliau terus memberikan keldainya kepada lelaki tersebut sambil berkata, "Tungganglah keldai ini." kemudian beliau berikan pula serbannya sambil berkata, "Lilitlah serban ini dikepalamu!". Perbuatan Ibnu Umar itu menyebabkan kawan-kawannya berkata, "Moga-moga Allah S.W.T. mengampunkanmu. Kamu berikan lelaki arab ini seekor keldai yang selalu kamu gunakan untuk menunggang dan kamu juga sanggup memberikan dia serbanmu yang biasanya kamu lilitkan dikepalamu? Lantas Umar menjawab sesungguhnya aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya kebaikan yang terbaik ialah seorang lelaki mempereratkan hubungan dengan anak kawan kesukaan bapanya selepas dia meninggal." Perawi menjelaskan bahawa bapa lelaki arab tersebut merupakan kawan kepada ayahnya Umar ibnu al-Khattab. (Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis di atas, menurut al-Nawawi cara yang terbaik untuk berbakti kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia ialah dengan berbakti kepada kawan-kawan dan anak kawan-kawan ibu bapa.

### **7.3 Menjaga Hubungan Baik Dengan Rakan Isteri Dan Ipar Duai**

Al-Nawawi menjelaskan bahawa menunjukkan kebahagiaan berkahwin dengan isteri juga disuruh dalam Islam. Salah satu caranya menurut beliau ialah dengan menjaga hubungan baik dengan kawan-kawan isteri juga adik beradik isteri.

Hal ini ditunjukkan Rasulullah s.a.w. kepada umatnya. Rasulullah s.a.w. banyak mengenang saat-saat indah bersama isterinya yang tersayang iaitu Saidatina Khadijah r.a. Ini menyebabkan beliau selalu menyembelih kambing dan seterusnya diberikan kepada kawan-kawan Saidatina Khadijah dan orang-orang yang disukai Khadijah. Perbuatan Rasulullah s.a.w. sangat dicemburui oleh Saidatina Aisyah sehingga sekali peristiwa beliau pernah berkata, "*Seolah-olah dalam dunia ini tidak ada seorang pun isteri melainkan Khadijah!*." Rasulullah s.a.w. bersabda dengan memuji-muji sumbangan dan sifat-sifatnya yang terpuji dan akhirnya baginda bersabda, "*Dengan dialah juga aku mendapat anak.* "

Selain itu nabi s.a.w. juga akan menunjukkan kegembiraan yang amat sangat dalam satu peristiwa apabila baginda dikunjungi oleh kakak Saidatina Khadijah dan bersabda, "*Ya Allah! Ini Khalah bte Khuwailid.* "

## **8.0 KESIMPULAN**

Kebahagiaan rumahtangga dalam Islam mengikut paradigma al-Imam al-Nawawi berkait rapat perlaksanaan sosial kewajipan suami dan isteri samada dari segi memberikan kasih sayang, didikan dan perbelanjaan di dalam keluarga. Selain itu, Islam memastikan segenap aspek kebahagiaan sesebuah keluarga dapat dikekalkan, dipertahankan dan diperkuatkan dengan penekanan penjagaan hubungan yang baik bukan sahaja tumpuan diberikan kepada perhubungan suami dan isteri tetapi juga lain-lain hubungan terutamanya suami kepada ibu bapa, suami kepada kerabat-kerabat ibu bapa dan rakan-rakan ibu bapa. Sebagai tambahan, Islam juga tidak melupakan peranan yang perlu dimainkan bagi mencapai kebahagiaan rumahtangga melalui penjagaan hubungan yang erat antara antara keluarga induk dengan keluarga isteri dan kerabat-kerabat isteri.

## RUJUKAN

- Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab*. Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Kabisi, Hamd Ubaid, (1975). *Usui al-Ahkam wa Thuruq al-Istinbat Fi al-Tashrf al-Islami*. Bagdad: Dar al-Huriyyah Li al-Thiba'ah. Al-Mabarkafuri, Sofi Al-Rahman, (1994). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Munziri, Al-Imam Al-Hafiz Abd Al-Azim b. Abd Al-Qawi, (1990). *Al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. Bairut: Dar Maktabah al-Hayah. Jilid 1-2. AI-Nadwi, Abu! Hasan Ali AI-Hasany AI-Nadwi, (1986). *Al-Sirah al-Nabawiyah* (Bey 'Arifin Yunus Ali Muhdhar: Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w.) Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Nawawi, (1983), *Riyad al-Solihin*, Bairut: Daral-Fikr al-Ma'asir. Al-Nawawi, (1995). *Riyad al-Solihin*. (Tahkik oleh Ali Abd Al-Hamid Boltah Ji). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faidha.
- Ibnu °Atar, (1991), *Tuhfat al-Tolibin fi Tarjamah al-Nawawi*, Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jamiah.
- Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990). *Lisan al-°Arab*. Bairut: DarSadir, Jilid 1-15.
- Kamarul Azmi B. Jasmi, (2002). *Paradigma Al-Imam Al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi B. Jasmi, Azmi Shah Suratman, ,P.M. Aminuddin Ruskam, Ahmad KHani b. Muhamad, Zulkefli b. Harun (2003). *Pengaruh Pemikiran Al-Nawawi Di Kalangan Guru Takmir Di Negeri Johor*. Vote Penyelidikan 71873. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia
- Kamus Dewan*, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Ketiga.
- Mahmud Tahhan, (1983). *Taisir Mustalah al-Hadith*. Kuwait: Maktabah Dar al-Turath.
- Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, (1981). *Usui al-Hadith °Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Muhammad b. °Allan, (1977.). *Dalil al-Falihin Li Turuq Riyad al-Solihin*. Cairo: tanpa tempat cetakan. Juz 1-4. Pauzi bin Haji Awang, (1990). *Pengaruh Matn Arba'in dan Riyad al-Solihin dalam masyarakat Malaysia*. Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga,
- Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Kuala Lumpur: Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.